

**Jenis Akhbar** : Utusan Online  
**Tarikh** : 18/01/2018  
**Edisi / Muka Surat** : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

## **‘MyKad Smart Shopper’ beri potongan istimewa**



**SEBAHAGIAN guru dan pelajar menyertai program Mykad Smart Shopper yang dilancarkan oleh Koperasi SMK Sungai Petai Berhad di Pasir Puteh, Kelantan, hari ini.-UTUSAN ONLINE**

PASIR PUTEH 17 Jan. - Kira-kira 700 guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Petai dekat sini berpeluang menikmati diskaun istimewa apabila membeli belah di kedai koperasi sekolah atau-atau mana premis yang menyokong program ‘MyKad Smart Shopper’ dengan menggunakan MyKad.

Pogram itu merupakan hasil kerjasama di antara Koperasi SMK Sungai Petai Berhad; Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan I Synergy International Sdn.Bhd. (I Synergy ).

Majlis pelancaran program tersebut telah disempurnakan oleh pengetua sekolah itu, Datuk Ariffin Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi SMK Sungai Petai Berhad.

Ariffin berkata, ini adalah sebahagian program keusahawanan koperasi yang mendidik pelajar bijak berbelanja dengan pembelian yang terancang.

Menurutnya, ‘MyKad Smart Shopper’ merupakan satu program membeli belah dengan menggunakan Mykad sebagai satu alternatif untuk menikmati diskaun pembelian pada harga jauh lebih murah atau menikmati penjimatan luar biasa.

“Hanya ahli koperasi sekolah yang mendaftar dalam program yang diperkenalkan oleh I Senergy itu sahaja akan dapat menikmati potongan harga tersebut.

“Salah satu kebaikan program ini adalah setiap transaksi akan direkodkan untuk pengetahuan pembeli,”

Ariffin berkata, selakn itu, salah pemilik MyKad yang berdaftar berpeluanh mendapat hadiah menarik dengan adanya sistem mata ganjaran yang diperkenalkan. - UTUSAN ONLINE